



13 AUG, 2020

Zon 1 kembali beroperasi seperti biasa

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Zon 1 kembali beroperasi seperti biasa

KUCHING: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) membenarkan semua masa operasi perniagaan di Zon 1 meliputi Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian kembali beroperasi seperti biasa berkuat kuasa 15 Ogos ini.

Sekretariat JPBNS berkata, pihaknya membuat keputusan tersebut setelah meneliti isu semasa kes positif di Sarawak.

"Perbincangan ini turut mendapat pandangan dari sudut kesihatan dan ekonomi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan industri pelancongan sebelum keputusan dibuat," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas mengenai perkara berkaitan, JPBNS berkata, sebanyak 1,733 jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon 1 dan Zon 2 di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman, semalam.

"Daripada jumlah tersebut, 1,732 daripadanya telah mendapat kebenaran dan sebuah kenderaan telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Manakala PDRM telah mende-

luarkan sebanyak 17 notis kompaun kerana tidak mematuhi garis panduan prosedur operasi standard (SOP).

"Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (9), Kota Samarahan (3), Simunjan (3), Betong (1) dan Sarikei (1)," jelasnya.

Tambahnya, terdapat 10 tangkapan lelaki warganegara Indonesia semasa sekatan jalan di Simunjan kerana tidak memiliki surat kebenaran polis untuk bergerak diantara zon.

"Selain itu, sebanyak 1,696 premis telah dipantau iaitu pasar raya (176), restoran (396), kilang (12), bank (111), pejabat kerajaan (69), penjaja (53), pasar tani/awam (85), tempat ibadah (91), tempat riadah (36), tapak pembinaan (15) dan lain-lain (652) melibatkan seramai 632 anggota penguatkuasa berkaitan.

"Bagi sekatan jalan raya, terdapat enam sekatan di lima buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

"Daripada enam sekatan jalan raya tersebut, sebanyak 875 jumlah kenderaan telah diperiksa," ujarnya.



13 AUG, 2020

Zon 1 kembali beroperasi seperti biasa

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) membenarkan semua masa operasi perniagaan di Zon 1 meliputi Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian kembali beroperasi seperti biasa berkuat kuasa 15 Ogos ini. Sekretariat JPBNS berkata, pihaknya membuat keputusan tersebut setelah meneliti isu semasa kes positif di Sarawak. "Perbincangan ini turut mendapat pandangan dari sudut kesihatan dan ekonomi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan industri pelancongan sebelum keputusan dibuat," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.